

02/05/2004

Selepas Tun Dr M, giliran Chef Wan muncul di TalkAsia

By Zubir Mohd Yunus

ZUBIR tabik double spring kepada pakar tukang masak negara, Chef Wan Ismail kerana dia akan muncul menerusi rancangan talk show iaitu CNN TalkAsia yang disiarkan menerusi Astro saluran 90, setiap Sabtu dari jam 11 hingga 11.30 pagi.

Minggu lalu Zubir menerima kiriman faksimili daripada Chef Wan yang memaklumkan penerbit TalkAsia, Ja Wuttithamrong mengundang dirinya untuk ditemu bual oleh hos TalkAsia, Lorraine Hahn pada 7 Mei ini, jam 8 pagi di kediaman Chef Wan di Ampang, Selangor.

Chef Wan dalam SMSnya kepada Zubir, memberitahu Ja menelefonnya dari Hong Kong dan menyatakan hasratnya untuk menemubual dirinya sebagai duta masakan negara yang sedang hebat mempromosikan buku masakan, Asean Cuisine ke seluruh dunia! Syabas Abang Wan...

Zubir difahamkan selepas Tun Dr M (Mahathir) menjadi orang pertama dari Malaysia muncul menerusi TalkAsia, Chef Wan bakal menjadi orang kedua. Bukan senang beb anak Malaysia nak muncul menerusi CNN Talk Asia! Bagi Zubir, ini adalah satu penghormatan peribadi buat Chef Wan sekeluarga.

Selain Tun Dr M dan coming soon, Chef Wan, personaliti atau artis lain yang pernah muncul menerusi TalkAsia termasuklah Norah Jones, Jet Li, David Copperfield, Sting, Ricky Martin, Kylie Minogue, The Corrs dan ramai lagi. Justeru, pemilihan Chef Wan untuk personaliti seterusnya, Zubir rasa amatlah bertepatan memandangkan sumbangan Chef Wan kepada negara dengan dunia masakannya.

Tambah SMS Chef Wan kepada Zubir, menerusi rancangan itu nanti, dia akan bercakap mengenai budaya dan makanan Melayu kita dan memperkatakan mengenai buku ensaiklopedia makanan Melayu pertama di dunia yang masih dalam perancangan untuk menyiapkannya.

Chef Wan juga tak lupa untuk mencadangkan nama Siti Nurhaliza untuk ditemuramah menerusi CNN TalkAsia memandangkan pencapaian cemerlang Siti dalam industri hiburan negara kita.

Selepas Chef Wan, Insya-Allah giliran Siti pula untuk muncul menerusi TalkAsia dan penampilan Siti bakal disaksikan berjuta penonton hampir dari seluruh dunia! Zubir doakan rancangan ini akan menjadi kenyataan.

(END)